



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

SOLAR ACCELERATED TRANSITION ACTION PROGRAMME **(SOLAR ATAP): INISIATIF PENJANAAN SOLAR DI BUMBUNG** **BANGUNAN BERMULA 1 JANUARI 2026**

PUTRAJAYA, 19 Disember 2025 – Bagi meneruskan usaha untuk memanfaatkan ruang bumbung bangunan untuk penjanaan tenaga boleh baharu (TBB) daripada sumber solar, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan skim *Solar Accelerated Transition Action Programme* atau Solar ATAP yang baharu selaras dengan Siaran Media yang dikeluarkan oleh PETRA pada 12 September 2025 lalu.

Pihak Suruhanjaya Tenaga selaku badan kawal selia industri pembekalan elektrik telah menyediakan Garis Panduan Program *Solar Accelerated Transition Action Programme* (Solar ATAP). Garis Panduan ini akan dimuat naik di laman sesawang Suruhanjaya Tenaga bermula pada 31 Disember 2025 dan permohonan untuk program ini boleh dikemukakan bermula pada 1 Januari 2026 melalui laman sesawang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia.

Terdapat beberapa penambahbaikan dari cadangan asal bagi Solar ATAP ini setelah mengambil kira akan pandangan-pandangan dari semua pihak berkepentingan seperti berikut:

- (i) Tiada kuota khusus ditetapkan di bawah Solar ATAP. Namun begitu, Kerajaan boleh meletakkan satu had tertentu pada bila-bila masa sekiranya kemasukan solar yang tidak terkawal menjejaskan sistem grid nasional;
- (ii) pengekalan prinsip asas NEM iaitu membolehkan lebih tenaga dijual kepada sistem grid sebagai *offset* tenaga dengan

penyesuaian agar ia lebih menarik berbanding Program Solar for Self-consumption (SelCo) sedia ada;

- (iii) penetapan kadar *offset* tenaga adalah pada harga pasaran elektrik iaitu pada kadar *system marginal price* (SMP) bagi pengguna dari kumpulan bukan domestik dan kadar caj tenaga bagi kumpulan domestik;
- (iv) had pemasangan sistem solar ditetapkan pada kadar 100% permintaan maksimum agar pengguna boleh mengoptimumkan pemasangan sistem solar untuk kegunaan sendiri; dan
- (v) Pengguna domestik 1-fasa (*single phase*) dibenarkan untuk memasang solar dengan kapasiti 5kW dan kapasiti solar bagi rumah dengan pemasangan 3-fasa (*three phase*) pula dinaikan dari 12.5kW kepada 15kW

Pelaksanaan Program Solar ATAP ini dijangka akan dapat memberikan pilihan kepada pengguna untuk memanfaatkan ruang bumbung bangunan untuk penjanaan TBB serta merancakkan lagi pembangunan penjanaan tenaga bersih bagi mengurangkan pelepasan karbon negara.

PETRA yakin bahawa pelaksanaan program baharu ini akan menjadi pemangkin strategik dalam memperkukuh landskap tenaga negara untuk jangka masa yang panjang, dan seterusnya menyokong aspirasi Malaysia untuk mencapai 70% kapasiti Tenaga Boleh Baharu dalam perbekalan elektrik menjelang 2050. Inisiatif ini bukan sahaja memacu kemampanan negara, malah menzahirkan komitmen Malaysia dalam menunaikan tanggungjawab kepada generasi masa kini dan akan datang, selaras dengan teras dan nilai Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
19 Disember 2025